

6 JAN 1996

Annuar-halang

PAS DIDAKWA HALANG PUSAT BANTU SEKOLAH AGAMA DI KELANTAN

KOTA BAHARU, 6 Jan (Bernama) -- Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa berkata kerajaan Kelantan pimpinan PAS telah menghalang kerajaan pusat mengeluarkan bantuan pembangunan sebanyak RM300,000 kepada sebuah sekolah agama di sini.

Katanya sebagai wakil kerajaan pusat, beliau tidak dapat menyerahkan wang peruntukan program bantuan itu kepada pentadbiran Sekolah Agama Tanjung Pagar, di Pasir Puteh semalam akibat larangan itu.

"Saya telah meminta laporan terperinci daripada Jabatan Pembangunan Persekutuan (mengenai kejadian itu) dan ingin melihat surat larangan yang dikatakan telah dihantar oleh pihak tertentu kepada jabatan itu," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Menurutnya bantuan kepada sekolah agama itu, yang pertama kepada beberapa sekolah agama di negeri itu tahun ini bertujuan meningkatkan taraf kemudahan dan persekitaran sekolah itu yang dikatakan dalam keadaan daif dan boleh membahayakan pelajarinya.

"Kita sebenarnya tidak berkewajipan bagi membantu sekolah itu kerana ianya terletak di bawah pentadbiran kerajaan negeri tetapi kerajaan pusat menawarkan bantuan bagi meningkatkan taraf keselamatan sekolah serta menjamin kepentingan pelajaran agama," katanya.

Beliau berkata kejadian itu akan dilaporkan kepada jemaah menteri dan akan dibincangkan dengan Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak bagi menentukan tindakan susulan yang patut diambil.

Katanya program bantuan itu yang telah diluluskan oleh kabinet Oktober lepas, turut mendapat sokongan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan dipersetujui supaya disalurkan melalui jabatan berkenaan.

"Tapi dengan sikap yang ditunjukkan oleh kerajaan negeri ini kita rasa sedih tetapi kita tidak perlu terburu-buru untuk menghentikan bantuan sebaliknya saya akan menulis kepada kerajaan negeri bagi memberi pandangan supaya dalam hal-hal begini, janganlah perkara remeh diperbesar-besarkan," katanya.

Beliau turut menasihati kerajaan negeri supaya mengambil sikap terbuka dalam soal kebajikan bagi kepentingan bersama. -- BERNAMA